

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan kanak-kanak pemohon suaka dan pelarian Rohingya serta dari negara lain turut mendapat akses kepada sistem pendidikan yang berkualiti dan konsisten.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23 menyatakan bahawa pemegang kad UNHCR adalah berstatus Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), tidak berhak menuntut apa-apa hak di sisi undang-undang termasuk pendidikan. Namun, bagi membolehkan akses pendidikan kepada kanak-kanak Rohingya, pada tahun 2016 kerajaan telah memutuskan agar kanak-kanak tersebut diberikan pendidikan di Pusat Bimbingan Alternatif (PBA). Bagi tujuan tersebut, KPM telah menyediakan garis panduan penubuhan dan pendaftaran Pusat Bimbingan Alternatif (PBA).

PBA adalah satu institusi pendidikan yang memberi akses pendidikan menggunakan kurikulum negara asal atau negara ketiga. Akses pendidikan ini diberi kepada kanak-kanak bukan warganegara Malaysia berumur 4 tahun hingga 15 tahun yang tidak berpeluang mendapat akses kepada pendidikan formal, sama ada di institusi kerajaan atau swasta. Peluang pendidikan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan terhadap pelarian Rohingya. Sekian, terima kasih.